

06 JUL 1999
MAHATHIR-MSD

PENINGKATAN SYARIKAT BERSTATUS MSC CERMINKAN KEPERCAYAAN MEREKA KPD MSC

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Peningkatan jumlah syarikat-syarikat yang mendapat status penarafan Koridor Raya Multimedia (MSC) setakat ini, mencerminkan keyakinan mereka terhadap projek ini walaupun di dalam kelembapan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Jumlah syarikat-syarikat MSC telah meningkat kepada 228, dengan 32 daripadanya menjalankan operasi bertaraf duni, kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas merasmikan Siemens Future@b, sebuah makmal multimedia yang canggih di Menara Berkembar Petronas di sini.

"Kita telah melepasi sasaran," kata beliau ketika mengulas mengenai sasaran untuk mendapatkan 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003.

"Ini menandakan mereka (syarikat-syarikat ini) percaya dengan negara ini dan kita faham mengenai kepentingan MSC," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat ini tidak hilang kepercayaan ke atas projek MSC ini kerana kerajaan masih menerus dan memberi keutamaan kepada projek ini.

Sementara itu, ketua pegawai eksekutif Siemens Electrical Engineering Sdn Bhd, Rainer Althoff berkata Siemens, syarikat Jerman yang terbesar di Malaysia, akan terus menyokong pembangunan negara walau dalam apa keadaanpun.

"Kami di Siemen akan terus berada di sini, sama ada ketika ekonomi baik ataupun tidak baik."

Siemens akan terus memperkembangkan perniagaannya di Malaysia dan berharap dapat menggandakan jumlah perdagangannya dalam tempoh tiga tahun akan datang, kata beliau.

Penglibatan Siemens di Malaysia telah hampir tiga dekad dan komitmen kepada negara boleh digambarkan menerusi pelaburan terkumpul melebihi AS\$6 bilion dalam pelbagai aktiviti, kata Althoff.

Jumlah perniagaan Siemes di dalam negara ini mencecah AS\$1.4 bilion untuk tahun fiskal 1997/1998.

Daripada jumlah pelaburan kumpulan tahun ini, Siemens akan membelanjakan lebih daripada RM20 juta dalam projeknya di MSC.

Pembabitan Siemens di dalam MSC dikendalikan menerusi Siemens Multimedia Sdn Bhd, syarikatnya yang telahpun mendapat status MSC.

-- BERNAMA
AD AA MA